

BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

---

**BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA****2.1 Perjuangan pemimpin tempatan menentang British (m/s 29)****a) Tokoh-tokoh pemimpin penentangan:**

- Penghulu Dol Said
- Dato Maharaja Lela
- Rentap
- Mat Salleh

**2.1.1 Sebab Penentangan ( m/s 30 )****a) . Dasar Penaklukan British**

- Dasar penaklukan British terhadap daerah mereka spt di Naning, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah.
- Dasar penaklukan British bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan politiknya.
- Cth. apabila British mendapat Melaka daripada Belanda, Naning dipaksa menjadi jajahan takluk British dan membayar ufti.

**b) Eksplorasi terhadap Ekonomi Tempatan.**

- Eksplorasi ekonomi dilakukan melalui perjanjian yang dimetrai oleh mereka dengan pemimpin tempatan.
- Menerusi perjanjian ini, saudagar dari Negeri-Negeri Selat dibenarkan menjalankan perdagangan dan perlombongan bijih timah.

**c) Pelaksanaan Pentadbiran Barat terhadap masyarakat tempatan.**

- British telah memperkenalkan sistem cukai, undang-undang dan peraturan-peraturan tanah utk mendapatkan hasil yang maksimum.
- Peraturan-peraturan ini sangat bertentangan dengan amalan tradisi masyarakat tempatan.



## BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

d) Campur Tangan British dalam Adat Resam Tempatan.

- British memaksa mereka menerima nilai-nilai British yang amat bertentangan dengan budaya masyarakat tempatan.
- Cth. Di Perak, J.W.W. Birch campur tangan dalam adat resam masyarakat Melayu.



e). Pembesar Tempatan Kehilangan Kuasa dan Pengaruh.

- Pemimpin tempatan juga kehilangan kuasa dan pengaruh pentadbiran terhadap kawasan dan anak buah mereka apabila British menjajah.



f) Kesulitan Penduduk Tempatan.

- Penentangan pemimpin tempatan mendapat sokongan anak buah mereka.
- Mereka tertekan dengan pelaksanaan undang-undang British yg menyulitkan kehidupan mereka

### 2.1.2 Peristiwa Penentangan Pemimpin Tempatan (m/s 31)

Tokoh	Sebab Penentangan & Kesan	Peristiwa Penentangan
Penghulu Dol Said	<p><b>Sebab penentangan:</b></p> <p>a) Tidak bersetuju Naning diletakkan sebagai sebahagian wilayah taklukan British</p> <p>b) Mengingkari arahan British supaya menghantar satu persepuluh sebagai ufti kepada negeri Melaka.</p> <p><b>Kesan:</b></p> <p>Dol Said menyerah diri dan di bawa ke Melaka.</p>	<p>a) 1831 British menghantar tentera untuk menakluki Naning tetapi ditentang oleh Penghulu Dol Said.</p> <p>b) Dol Said berjaya mengalahkan 150 orang tentera British di bawah pimpinan Kapten Wylie yang hendak menawan Taboh kerana bantuan ketenteraan daripada Yan Tuan Ali, Syed Shaban, Dato Kelana Sungai Ujong dan Penghulu Gemencheh.</p> <p>c) 1832 Dol Said dikalahkan dalam serangan kali ke 2 kerana tentera British seramai 1200 orang dan Dol Said tidak mendapat bantuan daripada seseapa pun.</p>

## BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

Tokoh	Sebab Penentangan & Kesan	Peristiwa Penentangan
Linggir	<p><b>Sebab Penentangan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penaklukan James Brooke ke atas daerahnya.</li> <li>b) Sebagai tindak balas terhadap langkah James Brooke dan Kapten Farquhar menghalang pelayaran di Sungai Saribas.</li> </ul> <p><b>Kesan:</b> Linggir tewas dalam pertempuran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menyerang kapal Nemesis dekat Batang Luper.</li> </ul>
Rentap	<p><b>Sebab penentangan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menentang Brooke yang bertindak menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang yang dianggap lanun</li> <li>b) Menghalang kezaliman James Brooke di Kubu Nanga Skrang.</li> </ul> <p><b>Kesan:</b> Rentap berundur ke Ulu Sungai Entabai dan serangan semakin lemah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menyerang pasukan James Brooke di Kubu Nanga Skrang dan berjaya mengusir James.</li> <li>b) Tentera James bertindak balas dengan membakar kampung</li> <li>c) Rentap berundur ke Bukit Sadok dan diserang sekali lagi</li> <li>d) Tentera James berjaya mengalakan tentera Rentap.</li> </ul>
Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur	<p><b>Sebab Penentangan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menolak penguasaan James Brooke di wilayah mereka iaitu Sungai Rajang</li> <li>b) Kehilangan kuasa memungut cukai.</li> <li>c) Kehilangan pengaruh terhadap penduduk tempatan</li> <li>d) Pembinaan kubu oleh James Brooke di Kanowit.</li> </ul> <p><b>Kesan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Syarif Masahor melarikan diri ke Brunei tetapi diserahkan oleh Sultan Brunei kepada British di Singapura.</li> <li>b) Datu Patinggi melarikan ke Betawi dan ditahan oleh Belanda dan diserahkan kepada James Brooke.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Syarif menyerang kubu .</li> <li>b) Mereka menyerang James di Kuching tetapi gagal</li> </ul>

## BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

Tokoh	Sebab Penentangan & Kesan	Peristiwa Penentangan
Mat Salleh	<p><b>Sebab:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) SBUB tidak menghiraukan kedudukannya sebagai pemerintah daerah Tambunan dan Sungai Sugut.</li> <li>b) British juga menduduki kawasan pengaruhnya.</li> <li>b) SBBU melaksanakan sistem cukai kepala dan surat perahu</li> <li>c) Layanan kasar oleh pegawai SBUB</li> </ul> <p><b>Kesan:</b> Mat Salleh tewas dan meninggal dunia pada 31 Januari 1900.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mat Salleh ke Sandakan untuk berbincang tetapi tidak dilayan.</li> <li>b) Sebaliknya Gabenor Beaufort menyerang dan membakar kampungnya. Mat Salleh mlarikan diri.</li> <li>c) Mat Salleh melakukan serangan mengejut terhadap kubu SBUB di Pulau Gaya.</li> <li>d) SBUB menawarkan plean damai iaitu menyerahkan Tambunan kepadanya.</li> <li>e) SBUB mungkir janji</li> <li>f) Mat Salleh menyerang SBUB sekali lagi</li> <li>g) Dibalas oleh tentera SBUB dengan menyerang kubu MS</li> </ul>
Dato Maharaja Lela di Perak	<p>Sebab penentangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Residen memungkiri fungsi sebagai penasihat</li> <li>b) Pembesar menolak sistem cukai yang menghapuskan hak mereka.</li> <li>c) Pembesar menolak penguasaan British terhadap kawasan mereka.</li> <li>d) Pembesar menolak campur tangan British dalam adat resam dan hal ehwal tempatan.</li> <li>e) J.W.W Birch tidak menghormati sistem sosial tempatan.</li> <li>f) J.W.W.Birch tidak tahu berbahasa Melayu.</li> </ul> <p>Kesan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- DML dan Dato ' Sagor mlarikan diri ke Kota lama.</li> <li>- DML ,Dato'sagor,Pandak Lam,Seputum dan Pandak Indut dijatuhi hukuman gantung.</li> <li>- Sultan Ismail dibuang negeri ke Johor.</li> <li>- Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim,Syahbandar dan Laksmana dibuang negeri ke Pulau Seychelles.</li> <li>- Perak dikuasai sepenuhnya oleh British.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perjanjian Pangkor ditanda tangani oleh Sultan Abdullah dan Sir Andrew Clarke.</li> <li>b) Bantahan terbuka oleh Sultan Abdullah, DML dan pembesar lain.</li> <li>c) Mesyuarat antara DMK dengan pembesar Melayu di Durian Sebatang menentang undang- undang British.</li> <li>d) DML mengambil tanggungjawab membunuh J.W.W.Birch selepas bermesyuarat di Belanja.</li> <li>e) Mat Arshad orang suruhan British dibunu oleh penduduk tempatan</li> <li>f) J.W.W.Birch dibunu oleh Seputum, Pandak Lam dan lain atas arahan DML</li> <li>g) British dengan 500 orang tentera melancar serangan terhadap Pasir Salak dan kawasan yang terlibat.</li> </ul>

## BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

<b>Tokoh</b>	<b>Sebab Penentangan &amp; Kesan</b>	<b>Peristiwa Penentangan</b>
Dato Bahaman di Pahang	<p><b>Sebab penentangan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) menolak udang-undang British yang bertentangan dengan adat resam dan sistem politik tempatan</li> <li>b) Menolak sistem kehakiman barat.</li> <li>c) Menolak pemungutan hasil tanah dan sistem cukai.</li> <li>d) Menolak penubuhan pasukan polis luar.</li> <li>e) Undang- undang British menghakis kuasanya sebagai orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan.</li> </ul> <p><b>Kesan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Akibat tekanan British Dato' Bahaman berundur ke Kelantan.</li> <li>b) Mendapat pelindungan daripada penduduk dan pembesar Terengganu dan Kelantan dan menetap di Hulu Kelantan.</li> <li>c) Berpindah ke Bangkok dan diberi perlindungan politik oleh Raja Chulalongkorn.</li> <li>d) Menetap di Chieng Mai dan diberikan wang sara hidup sebanyak 1000 baht.</li> <li>e) Meninggal dunia di Chieng Mai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menentang pembinaan Balai Polis di Lubuk Terua, kawasan pengaruhnya.</li> <li>b) Menyerang British kerana menangkap anak buahnya.</li> <li>c) Menyerang dan menawan semula Lubuk Terua.</li> <li>d) Menyerang dan menguasai Kuala Tembeling dan Jeram Ampai.</li> </ul>
Tok Janggut di Kelantan	<p><b>Sebab penentangan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menentang pelaksanaan sistem penasihat British.</li> <li>b) Menentang British memaksa menerima pakai sistem cukai</li> <li>c) Enggan membayar cukai .</li> </ul> <p><b>Kesan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Melumpuhkan perjuangan Tok Janggut kerana serangan tersusun dan peralatan yang lebih moden.</li> <li>ii) Tok Janggut terkorban dan mayat diarak ke seluruh pekan Kota Bharu sebelum digantung dalam keadaan kepala ke bawah dan kaki ke atas sebagai amaran kepada masyarakat tempatan yang berani menentang British.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bantahannya tidak dilayan oleh Pegawai Daerah Pasir Putih.</li> <li>b) Pihak polis diarah menangkap Tok Janggut tetapi gagal.</li> <li>c) Menyerang Pasir Putih dan berjaya mendudukinya.</li> <li>d) Sebuah kerajaan dibentuk dengan Engku Besar Jeram sebagai Raja dan Tok Janggut sebagai Perdana Menteri dan Che Ishak sebagai Pegawai Daerah.</li> <li>e) Dengan menggunakan nama sultan Kelantan, British menyerang dengan kapal H.M.S Cadmus di Saring.</li> </ul>

## BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

Tokoh	Sebab Penentangan & Kesan	Peristiwa Penentangan
Haji Abdul Rahman Limbong	<p><b>Sebab Penentangan:</b></p> <p>a) Menentang kerana tidak berpuas hati dengan sistem cukai dan undang-undang tanah British.</p> <p>Kesan:</p> <p>a) Haji Abdul Rahman Limbong diserang oleh 50 orang polis dari Singapura.</p> <p>b) Ditahan dan dibuang negeri ke Makkah.</p>	<p>a) Mengetuai penduduk kampung membersih tanah di Kuala Telemong tanpa menghiraukan peraturan tanah British.</p> <p>b) 300 penduduk kampung berkumpul dan membuka tanah mili Tengku Nik Maimunah .</p> <p>c) Membimbangkan British dan dengan jasa baik Tengku Nik Maimunah mereka dapat disuraikan.</p> <p>d) Dasar British menimbul kemarahan penduduk tempatan menyebabkan mereka melancarkan penentangan bersenjata</p> <p>e) Kumpulan yang menyerang bangunan kerajaan di Kuala Berang berjaya mendudukinya.</p> <p>f) Kumpulan di Kuala Telemong bersiap sedia menunggu arahan untuk menentang British.</p> <p>g) Dengan menggunakan kuasa dan nama Sultan Terengganu, British menghantar 3 orang pembesar untuk menawan semula Kuala Berang.</p> <p>h) 25 orang polis menyerang Kuala Telemong dan berjaya tumpaskan kebangkitan penduduk tempatan dengan mengorbankan 11 orang.</p>

**b) Iktibar perjuangan pemimpin tempatan.**

- a) Semangat setia negara yang tinggi
- b) Sanggup berkorban untuk negara dan bangsa
- c) Sifat bekerjasama dan tololong menolong antara pemimpin dengan pengikut
- d) Sikap berdisiplin dan gigih berusaha.

**2.2 Gerakan Nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua (m/s 45 )****2.2.1 Faktor-faktor Pemungkinan Nasionalisme****1. Pengenalan Sistem Politik Barat**

- British telah meletakkan seorang Residen yang mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan.
- Para pembesar diberikan pencen dan tempat mereka digantikan oleh pegawai British.
- Perubahan ini mencabar sistem atau amalan tradisi mereka serta menjatuhkan maruah mereka

**2. Perkembangan Sistem Pendidikan.**

- Muncul golongan intelek Melayu yang mampu berfikir tentang kemajuan bangsanya.
- Mereka menyedari perlunya sumbangan tenaga dan fikiran mereka untuk menyedarkan bangsa Melayu.

**3. Dasar British.**

- British telah menggalakkan sesiapa sahaja datang untuk melabur, bermiaga, berdagang, bekerja dan menetap di Tanah Melayu.
- Kemasukan org asing telah meningkatkan jumlah imigran di Tanah Melayu.
- Keadaan ini menimbulkan persaingan kepada penduduk tempatan.
- British juga membuka bandar baru sebagai pusat pentadbirannya sedangkan orang Melayu tetap tinggal di kampung-kampung dengan serba kekurangan.
- Keadaan ini menjarakkan lagi jurang taraf hidup antara orang tempatan di luar bandar dengan imigran dan penduduk lain di bandar.

**4. Pendudukan Jepun**

- Jepun dengan konsep *Kawasan Kesemakmuran Asia* telah menekankan kebebasan negara-negara Asia untuk menentukan kemajuan masing-masing dan meningkatkan persaudaraan di kalangan negara tersebut.
- Jepun menggalakkan org tempatan bekerjasama dengannya dan berjanji akan memerdekakan mereka.
- Bagaimanapun, kesengsaraan dan kekejaman pentadbiran Jepun menyebabkan penduduk Tanah Melayu membenci penjajahan sama ada oleh kuasa Barat atau Timur.

**5. Penguasaan Parti Komunis Malaya**

- PKM telah menguasai balai-balai polis dan memerintah dengan kejam.
- Mereka membunuh dan menangkap sesiapa sahaja yang dianggap sebagai penyokong Jepun.
- Ramai orang Melayu terbunuhan dan rumah mereka dibakar oleh anggota PKM.

**6. Kemunculan Mesin Cetak**

- Memberikan kesan kepada penyebaran ilmu pengetahuan dan mendorong penentangan terhadap British.
- Buku-buku, akhbar, majalah, kitab agama dan lain-lain idea menentang penjajah dapat disebarluaskan.

**7. Gerakan Pan-Islamisme Sedunia**

- Gerakan Pan-Islamisme – Gerakan intelektual Islam seluruh dunia untuk membangkitkan pemahaman yg lebih progresif terhadap Islam untuk menentang penjajahan.
- Gerakan ini didokong oleh pelajar Islam di seluruh dunia.
- Dimulakan oleh Syeikh Muhammad Abduh, pensyarah di Universiti al-Azhar, Mesir.
- Dalam tulisannya, beliau telah memberi kupasan bahawa Islam ialah cara hidup yang menekankan kepentingan dunia dan akhirat, di samping mendorong umatnya menuju kejayaan.
- Gerakan Wahabi di Arab Saudi juga mendesak matlamat yang sama.

**8. Kesedaran politik Serantau**

- Indonesia yg amat rapat dengan Tanah Melayu dari segi geografi dan budaya telah mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu.
- Hasil karya penulis dari Indonesia berkaitan nasionalisme telah menjadi bacaan masyarakat di Tanah Melayu terutama yang berpendidikan vernakular Melayu.
- Idea kebebasan politik dan penentangan terhadap penjajahan dalam tulisan mereka dapat dihayati oleh masyarakat tempatan.

**2.2.2 Gerakan Islah Dalam meningkatkan minda Bangsa**

(m/s 49 )

**a) Maksud Gerakan Islah:**

- ❖ Gerakan yang berusaha mendorong membetulkan pandangan Islam masyarakat Melayu

**b) Tokoh Kaum Muda:**

- a) Sheikh Tahir Jalaludin      b) Syed Syeikh al- Hadi      c) Dr. Burhanudin al\_Helmy

**c) Idea /Isu Gerakan Islah:**

- ❖ Menyampaikan idea ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia
- ❖ Menggesa orang Melayu memajukan ekonomi
- ❖ Menyemat sikap mengkritik penjajah
- ❖ Mengkritik raja dan pmbesar yang tidak berperanan dalam memajukan orang Melayu

**d) Halangan yang dihadapi oleh Kaum Muda:**

- ❖ Ditentang oleh Kaum Tua
- ❖ Negeri-negeri Melayu mengeluarkan undang-undang menghalang Kaum muda
- ❖ Risalah dan buku dilarang bawa masuk
- ❖ Hanya dapat bergerak di Negeri-Negeri Selat

**e) Cara menyebarkan idea/Kejayaan**

- ❖ a) Menubuhkan madrasah
- ❖ b) Memberi peluang pendidikan kepada pelajar perempuan
- ❖ c) Menerbitkan akhbar dan majalah
- ❖ d) Menerbitkan risalah

## BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

**2.2.1 Akhbar, Majalah dan Novel : Penggerak Kesedaran Kebangsaan:****a) Akhbar ( m/s 52 )**

Akhbar	Aspek	Isu
Warta Malaya Lembaga Malaya Majlis Utusan Melayu Warta Negara Fajar Sarawak	Sosial/Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu.</li> <li>• Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan.</li> <li>• Menyeru orang Melayu meninggalkan sikap negatif seperti memilih kerja.</li> <li>• Menggalakkan tabungan di kalangan orang Melayu untuk pendidikan anak-anak.</li> <li>• Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu seperti pertukangan dan kerja tangan.</li> <li>• Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu.</li> <li>• Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dengan memberikannya nilai ekonomi.</li> <li>• Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British.</li> <li>• Menyeru orang Melayu supaya tidak meninggalkan pendidikan Islam.</li> <li>• Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu.</li> </ul>
	Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan syarikat kerjasama.</li> <li>• Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang kerana mengancam ekonomi tempatan.</li> <li>• Menggalakkan perniagaan dalam kalangan orang melayu.</li> <li>• Melarang orang Melayu daripada menjual tanah mereka.</li> <li>• Menyeru orang Melayu supaya berjimat cermat.</li> <li>• Meminta British mewujudkan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur.</li> </ul>

## BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

Akhbar	Aspek	Isu
Warta Malaya Lembaga Malaya Majlis Utusan Melayu Warta Negara Fajar Sarawak	Politik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkritik British kerana mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu.</li> <li>Mengkritik para pembesar dan Raja-Raja Melayu kerana tidak melaksanakan kepimpinan yang sewajarnya.</li> <li>Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran.</li> <li>Menuntut diadakan Malay Administrative Service (M.A.S) utk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan.</li> <li>Menyeru orang Melayu bersatu dalam satu pertubuhan kebangsaan.</li> <li>Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan.</li> </ul>

**b) Majalah dan Isu yang dibangkitkan (m/s 52 )**

Majalah	Isu
<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Majalah Guru</b> Pengarangnya; • Muhammad Dato' Muda</li> <li>• Linggi.</li> <li>• Yusuf Ahmad</li> <li>• Mohd. Sidin Rashid</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendidikan anak-anak Melayu.</li> <li>Perpaduan di kalangan org Melayu.</li> <li>Semangat cinta akan negara dan menentang penjajahan.</li> <li>Membaiki taraf hidup orang Melayu.</li> <li>Memajukan bahasa dan sastera Melayu.</li> <li>Perpaduan dikalangan guru sebagai pemimpin bahasa.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pengasuh</b></li> <li>• Dato' Nik Mohamad</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membincangkan soal pentafsiran Islam yg progresif bagi kemajuan ummah.</li> <li>Menggalakkan pendidikan di kalangan orang Melayu.</li> <li>Memperluas ilmu dalam semua bidang.</li> <li>Memberikan pentafsiran kepada persoalan orang Islam.</li> <li>Menggesa orang Melayu menjauhkan diri daripada sikap buruk.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bulan Melayu</b> Pengarangnya: Zainon Sulaiman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggalakkan perpaduan di kalangan guru perempuan Melayu Johor.</li> <li>Menggalakkan wanita mendapatkan pendidikan.</li> <li>Mendorong wanita menjaga kesopanan dengan nilai-nilai Islam dan budaya Timur.</li> <li>Menggalakkan wanita menjadi obor untuk memajukan bangsa.</li> </ul>

**c) Novel dan Tema Semangat Kebangsaan yang dibangkitkan: (m/s 53 )**

Novel	Tema Semangat Kebangsaan
<b>Keris Melaka</b> Pengarang: Ahmad Bakhtiar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semangat perjuangan menentang penjajah Barat spt Portugis.</li> <li>• Menghargai sumbangan tokoh-tokoh Kesultanan Melayu Melaka spt Hang Tuah.</li> <li>• Menggunakan sejarah sebagai inspirasi dan pedoman untuk mendorong semangat perjuangan bangsa bagi generasi muda.</li> </ul>
<b>Anak Mat Iela Gila</b> Pengarang: Ishak Haji Mohammad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semangat menentang penjajah oleh anak muda tempatan.</li> <li>• Menghargai warisan bangsa sendiri.</li> <li>• Mencintai tanah air.</li> <li>• Menolak kesenangan demi maruah bangsa</li> </ul>
<b>Putera Gunung Tahan</b> Pengarang: Ishak Haji Mohammad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semangat wira pemuda tempatan dalam menjaga maruah bangsa.</li> <li>• Mencintai tanah air.</li> <li>• Berasa bangga dengan kebolehan sendiri.</li> <li>• Seorang gadis tempatan yg menolak cinta pegawai penjajah kerana tidak mahu menjatuhkan maruah bangsa.</li> </ul>
<b>Melor Kuala Lumpur</b> Pengarang: Harun Aminurrashid	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Emansipasi atau kebebasan wanita dalam menentukan hala tuju kehidupannya.</li> <li>• Wanita yang mementingkan pendidikan moden untuk kebaikan dirinya.</li> <li>• Membuang pandangan negatif yg boleh menghalang kemajuan bangsa.</li> </ul>

## BAB 2 | NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

## 2.2.4 Perjuangan Nasionalisme Oleh Persatuan-Persatuan Melayu (m/s 54 )

Persatuan	Tokoh	Tujuan/Isu
Kesatuan Melayu Singapura (KMS)	Mohammad Eunos Abdullah	i) Memperoleh kawasan penempatan khas bagi orang Melayu di Singapura ii) Menjaga kepentingan sosioekonomi penduduk Melayu Singapura.
Persatuan Sahabat Pena Melaya (PASPAM)	S.M Zainal Abidin B.A.	i) menggalakkan ahli-ahlinya berkenal-kenal dan bertukar-tukar pendapat bagi memajukan diri sendiri dan bangsa. ii) Menggalakkan perpaduan dan persaudaraan di kalangan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.
Persatuan Negeri-Negeri	Ditubuhkan di Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan	i) Menggabungkan tenaga intelektual Melayu ii) Membincangkan nasib orang Melayu dalam soal ekonomi iii) Menggalakkan perpaduan orang Melayu
Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (1939).	Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.	i) Mengeratkan perpaduan Melayu, ii) Menggalakkan pendidikan iii) Menjaga budaya dan maruah bangsa iv) Menegakkan ajaran agama Islam.
Kesatuan Melayu Muda (KMM) 1939.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibrahim Haji Yaakob merupakan wartawan akhbar Majlis di Kuala Lumpur.</li> <li>• Mustapha Husein</li> </ul>	i) Menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu ii) Meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu. iii) Bekerjasama dengan Jepun untuk menghalau British iv) Menjadi propaganda Jepun dengan membeli Warta Malaya untuk dijadikan alat propaganda anti-British. v) Mengelilingi Tanah Melayu untuk mencari sokongan. vi) Maahad II Ihya Assyariff di Gunung Semanggol Perak menjadi penyokong KMM dengan menyediakan kader-kader yg dikenali sebagai tentera semut untuk menentang British.
Kongres Melayu 1939 dan 1940.		i) Membincang kemunduran orang Melayu dalam pendidikan dan layanan pilih kasih British terhadap anak negeri. ii) Disokong oleh golongan intelek dan akhbar-akhbar Melayu. iii) Resolusi kongres – mengambarkan perpaduan Melayu untuk mengatasi permasalahan sosio ekonomi dan politik mereka yg lemah. iv) Akhirnya org Melayu dapat mengatasi perasaan kenegerian yg memisahkan mereka selama ini.

### 2.2.5 Gerakan Nasionalisme Semasa Pendudukan Jepun (m/s 57 -58 )

Kesan daripada tekanan Jepun:

Fakta	Huraian
Dasar Pemerintahan Jepun	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mengharamkan akhbar.</li> <li>b) Menukarkan nama akhbar tempatan kepada nama Jepun</li> <li>c) Menyekat kebebasan bersuara penduduk.</li> <li>d) Semua sekolah menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar.</li> </ul>
Gerakan Bawah Tanah	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) PKM menubuhkan MPAJA untuk menentang Jepun</li> <li>b) Disokong oleh British dengan memberi bantuan senjata dan menjalankan perang gerila menentang Jepun .</li> <li>c) Ahlinya terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India</li> </ul>
Force 136	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir Melayu</li> <li>b) Bekerjasama dengan tentera British</li> <li>c) Bergerak secara gerlila dihutan</li> <li>d) Aktif di Kedah, Johor dan Pahang</li> </ul>
Pasukan Wataniah	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Merupakan pasukan sukarela menentang Jepun.</li> <li>b) Anggotanya terdiri daripada guru, pegawai tadbir kerajaan dan orang kampung yang sedar penindasan Jepun.</li> </ul>
Melayu Raya/Indonesia Raya	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Matlamat perjuangan KMM ialah menubuhkan negara Melayu Raya atau Indonesia Raya.</li> <li>b) Slogan dan citacita poliktitik sebahagian kecil orang Melayu</li> <li>c) Mahu menghidupkan semula kegemilangan empayar Melayu seperti Majapahit, Srivijaya atau empayar Melaka.</li> <li>d) Idea negara besar Melayu dimulakan di Maktab Perguruan Sultan Idris oleh Abdul Hadi Hasan.</li> <li>e) KRIS ditubuhkan sebagai badan melaksanakan tugas dan Kongres Pemuda KRIS diadakan di Kuala Lumpur bagi membincangkan persediaan kemerdekaan dengan Indonesia.</li> <li>f) Kekalahan Jepun yang mendadak, menyebabkan Soekarno mengisyiharkan kemerdekaan Indonesia lebih awal iaitu 15 Ogos 1945 dan menyebabkan persidangan KRIS dibatalkan.</li> <li>g) Jadi, kemerdekaan di bawah Indonesia dalam gagasan Melayu Raya @ Indonesia Raya gagal.</li> <li>h) British kembali menguasai Tanah Melayu pada September 1945.</li> </ul>